



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

6 MEI 2026 (RABU)

Seludup 20 Ekor Lembu Thailand Lalu Sungai Golok

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	13	6 Mei

Seludup 20 ekor lembu Thailand lalu Sungai Golok

RANTAU PANJANG – Seorang penyeludup lari lintas-pukang selepas kegiatannya menyeludup sebanyak 20 ekor lembu dari Thailand dikesan anggota Tentera Darat Malaysia di tebing Sungai Golok di sini kelmarin.

Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (Dua Divisyen) dalam kenyataan berkata, anggota tentera menjalankan tinjauan dengan mini *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) di Sungai Golok kira-kira pukul 6.45 petang sebelum mengesan pergerakan sebuah lori jenis Isuzu tiga tan berhampiran kawasan tersebut.

Menurutnya, hasil pemantauan UAV itu turut mendedahkan sebanyak 20 ekor lembu dari Thailand sedang menunggu masa untuk diseludup masuk ke negara ini melalui Sungai Golok.

"Semasa serbuan dilakukan, seorang lelaki dipercayai warga



ANGCOTA tentera berjaya mematahkan cubaan menyeludup 20 ekor lembu di kawasan Sungai Golok, dekat Rantau Panjang kelmarin. – IHSAN DUA DIVISYEN

tempat bertindak melarikan diri dengan meninggalkan kenderaan tersebut.

"Pemeriksaan lanjut turut menjumpai 20 ekor lembu yang dipercayai diseludup dari Thailand di bahagian muatan lori itu," katanya.

Menurutnya, kesemua haiwan tersebut tiada sebarang dokumen perjalanan atau permit import yang sah.

Katanya, keseluruhan rampasan termasuk lori yang ditinggalkan oleh suspek dianggarkan bernilai RM225,000.

"Laporan polis berkaitan rampasan haiwan ternakan dibuat di Balai Polis Lubok Stoi, di sini.

"Kesemua rampasan telah diserahkan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin Keselamatan dekat Bukit Bunga," tambahnya.

UAV Jejak Lori Bawa 20 Lembu Seludup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Lokal	12	6 Mei



HAIWAN ternakan yang dirampas disyaki dari negara jiran dalam operasi di Sungai Golok dekat Rantau Panjang, kelmarin.

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

TENTERA BUAT RAMPASAN RM225,000

Kota Bharu

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berjaya mematahkan cubaan menyeludup 20 ekor lembu dianggarkan bernilai RM225,000 yang disyaki dari negara jiran dalam operasi di Sungai Golok, dekat Rantau Panjang, kelmarin.

Markas Divisyon Kedua Infantri Malaysia (2 Divisyon) dalam satu kenyataan berkata, rampasan itu dibuat kira-kira 6.45 petang di Cawasan Tanggungjawab (KTJ) Briged Kelapan

Infantri Malaysia (8 Briged).

Katanya, ketika pasukan operasi sedang menjalankan tinjauan dengan mini *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV), pihaknya mengesan sebuah lori tiga tan dalam keadaan mencurigakan di lokasi berhampiran garisan sempadan.

"Hasil pemantauan UAV mendapati 20 ekor lembu di wilayah Thailand yang sedang menunggu untuk diseludup masuk ke Malaysia melalui laluan Sungai Golok.

"Seorang lelaki dipercayai warga tempatan bertindak melarikan diri dari lokasi kejadian dengan meninggalkan kenderaan bersama muatannya bagi mengelak ditahan pasukan operasi," katanya.

Menurut hasil pemerik-

saan lanjut, kesemua lembu dipercayai diseludup dari Thailand tanpa sebarang dokumen perjalanan atau permit import yang sah dan sebuah lori jenis Isuzu tiga tan yang digunakan untuk mengangkut ternakan berkenaan.

Katanya, laporan polis rampasan haiwan ternakan dibuat di Balai Polis Lubok Stoi, Rantau Panjang dan semua rampasan diserahkan kepada Kastam Diraja Malaysia, Kompleks

Imigresen, Kastam dan Kuarantin Keselamatan (ICQS) Bukit Bunga.

"Pasukan operasi akan terus mengetatkan kawalan di sempadan negara bagi mengekang aktiviti Jenayah Rentas Sempadan (JRS). Tentera akan terus komited bagi memastikan keselamatan di sempadan negara sentiasa terkawal dan tidak akan berkompromi dengan sebarang aktiviti JRS," katanya.

"Pasukan operasi akan terus mengetatkan kawalan di sempadan 2 Divisyon"

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR